

## KEPEDULIAN PARA PELAJAR IPTA DAN IPTS DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERHADAP LAMBANG-LAMBANG KENEGARAAN SEBAGAI IDENTITI MALAYSIA

Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa,Wayu Nor Asikin Mohamad  
[ayunorazilah@kuis.edu.my](mailto:ayunorazilah@kuis.edu.my)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang tahap kepedulian para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia terhadap lambang-lambang kenegaraan yang menjadi identiti kepada negara Malaysia. Lambang-lambang kenegaraan yang dibincangkan ialah meliputi lima perkara iaitu Jata Negara, Lagu Negaraku, Bendera Kebangsaan, Bunga Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan. Menyusuli sejarah pemilihan kelima-lima lambang kenegaraan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri khususnya kepada negara Malaysia. Oleh itu, adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh warga Malaysia khasnya para pelajar yang berada di institusi pengajian tinggi mengetahui, memahami, menghayati, mendalami dan mengambil peduli tentang lambang-lambang kenegaraan yang menjadi identiti negara Malaysia. Metodologi yang digunakan untuk artikel ini ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan edaran borang soal selidik. Seramai 350 orang responden terlibat dalam menjawab borang soal selidik ini. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *statistical package for social studies* (SPSS) versi 24. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kepedulian para pelajar terhadap lambang-lambang kenegaraan yang menjadi identiti kepada negara Malaysia berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai interpretasi min 3.92. Hasil dapatan kajian ini menjadi salah satu kayu ukur tahap patriotisme generasi muda terhadap identiti negara Malaysia.

**Kata Kunci:** Kepedulian, pelajar, lambang-lambang, kenegaraan, identiti, Malaysia.

## ABSTRACT

This article discusses the level of concern among students of Public Institutions of Higher Learning (IPTA) and Private Institutions of Higher Learning (IPTS) in Peninsular Malaysia towards national symbols that are representative of the national identity of Malaysia. The national symbols that are discussed include the following five things: National Coat of Arms, National Song, National Flag, National Flower and National Language. The history in the selection of these five symbols of nationality has a special significance to Malaysia. Hence, it is a duty of all Malaysians especially students in higher learning institutions to know, understand, appreciate, experience and care about these symbols of nationality that has become Malaysia's identity. The methodology used for this article is both qualitative and quantitative through distribution of questionnaire. A total of 350 respondents were involved in answering this questionnaire. Data was analyzed descriptively using statistical package for social studies software (SPSS) version 24. The study found that students' level of concern on national symbols of identity in Malaysia was at a relatively high level with mean interpretation values of 3.92. The findings of this study are one of the benchmarks of the younger generation's patriotism towards Malaysian national identity.

**Keywords:** Concern, students, symbols, nationality, identity, Malaysia.

## 1. PENGENALAN

Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan saban tahun pada tanggal 31hb Ogos. Sudah menjadi kebiasaan di mana acara-acara berupa kekeluargaan seperti acara perbarisan dan perarakan secara besar-besaran akan berlangsung dari pagi untuk menonjolkan semangat patriotisme antara semua lapisan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, warna dan bangsa. Menghadiri acara perbarisan atau sekadar melekatkan berpuluh-puluh keping jalur gemilang di atas kenderaan ataupun menghadiri aktiviti-aktiviti kempen khidmat negara boleh melahirkan semangat cinta kepada tanah air (Mohd Zahari Yusoff, Muhammad Shukri Salleh dan Meer Zhar Farouk Amir Razli, 2006). Dalam keadaan kepelbagaian agama, budaya dan bangsa, masyarakat sentiasa mengalami ketidakserasian tentang elemen identiti nasional ini. Keadaan ini adalah lumrah dalam sebuah negara berbilang kaum, berbeza budaya dan menganut serta mengamal agama yang berbagai-bagai seperti di Malaysia. Oleh itu, dalam kepelbagaian tersebut, identiti nasional hendaklah dipertegaskan. Tiada kompromi yang boleh dibenarkan.

Semua lapisan masyarakat perlu tegas, bukan sahaja mengharap kepada kerajaan untuk memperkasa nilai identiti negara atau identiti nasional ini. Identiti nasional bukan milik dan tanggungjawab satu pihak. Ini milik semua pihak. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak. Semua pihak itulah yang seharusnya bertanggungjawab membina dan mempertahankan identiti nasional tersebut. Masyarakat Melayu terutamanya hendak berpegang kepada identiti nasional kerana kesemua prinsip itu adalah berteraskan bangsa dan agamanya. Bagi bangsa atau kaum lain pula, mereka hendaklah lebih terbuka dalam menerima identiti nasional. Bukalah sedikit ruang untuk menerima prinsip kenegaraan dan identiti nasional yang seharusnya menjadi payung kepada pembinaan negara bangsa (Shamrahayu Ab Aziz. 26 Januari, 2016. Berita Harian).

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian artikel ini ialah untuk melihat tahap kepedulian para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia terhadap lambang-lambang kenegaraan yang menjadi identiti negara Malaysia.

## **3. METODOLOGI**

Metodologi yang digunakan untuk artikel ini ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan edaran borang soal selidik. Seramai 350 orang responden yang terdiri daripada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia yang dipilih mengikut zon. Responden yang menjawab soal selidik ini dipilih secara rawak. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *statistical package for social studies* (SPSS) versi 24.

## **4. SOROTAN KAJIAN**

Kajian-kajian yang berkaitan dengan elemen patriotisme banyak dilakukan baik dalam mahupun luar negara. Elemen patriotisme dilihat dari pelbagai perspektif. Namun hanya sedikit sahaja yang memerihalkan mengenai lambang-lambang negara khususnya yang melibatkan Malaysia. Justeru itu mengenai tajuk kajian ini sudah pasti apa sahaja bahan yang bersangkutan akan diterokai.

Bacaan asas dalam mendalami kajian ini boleh diperolehi dari penulisan Koen Setyawan yang bertajuk *Fakta Unik Lambang Negara di Dunia* yang telah diterbitkan pada tahun 2017. Buku yang berbentuk santai ini mengandungi penerangan ringkas mengenai lambang-lambang kenegaraan di serata negara di dunia. Lambang-lambang ini penting kerana menjadi identiti bagi setiap negara. Elemen grafik yang dimasukkan dalam buku ini menjadi suatu elemen tarikan yang boleh memupuk nasionalisme dan patriotisme dalam kalangan generasi muda (Koen Setyawan, 2017). Seharusnya bahan-bahan bacaan yang berbentuk santai begini menjadi daya penarik utama dalam menyemai rasa cinta terhadap lambang-lambang Kenegaraan Malaysia kerana mencerminkan identiti negara.

Setiap negara di dunia mempunyai lambang-lambang negara yang tersendiri. Pada pandangan pengkaji, sebuah buku yang amat menarik untuk diteliti ialah *National And State Symbols*. Buku yang cukup santai ini membincangkan mengenai lambang-lambang negara yang digunakan dalam negara dan setiap negeri di India. Suatu yang amat unik untuk dilihat ialah lambang-lambang tersebut dibahagikan kepada Haiwan Kebangsaan, Burung Kebangsaan, Bunga Kebangsaan, Sungai Kebangsaan, Pokok Kebangsaan dan Buah-buahan Kebangsaan. Pemilihan lambang-lambang ini mempunyai kaitan yang rapat dengan identiti negara (Akila Sivakumar, 2018).

Menurut Marzudi Md Yunus, Nuryuhanis Mohd Nasir dan Nurul Haniza Samsudin (2019), logo merupakan bahan komunikasi visual penting yang berfungsi sebagai lambang identiti suatu entiti, alat promosi, serta kempen. Dalam aspek lain, logo turut berfungsi sebagai agen penyampai maklumat kepada orang ramai. Logo turut berfungsi untuk membina imej korporat kepada suatu entiti atau acara. Jata Negara yang menjadi simbol kepada sesebuah negara juga merupakan suatu logo yang mempunyai makna mendalam kepada sesebuah negara. Logo mempunyai makna berdasarkan suatu konteks yang berkait rapat dengan sosiobudaya sesuatu tempat. Elemen seni reka yang menghasilkan logo mempunyai makna yang tersendiri dalam suatu konteks dan masyarakat. Ini jelas bahawa Jata Negara menjadi satu identiti kepada negara Malaysia.

Seterusnya, Ruhanie Haji Ahmad (2005) menghuraikan bahawa rakyat Malaysia seharusnya menghargai Jata Negara kerana ini merupakan identiti negara Malaysia dan merupakan pemangkin semangat patriotik dalam setiap rakyat Malaysia. Patriotisme akan melahirkan perasaan berbangga kepada negara dengan menghormati lambang kenegaraan seperti Jata Negara Perkara ini juga menjadi satu kebanggaan bagi setiap rakyat dan menjamin kedaulatan negara.

Sebuah buku yang amat menarik dan perlu diteliti ialah *Undang-undang, Bendera, Bahasa Dan Lambang Negara Serta Lagu Kebangsaan* yang diterbitkan di Indonesia. Di dalam buku ini terdapat penghujahan yang menyatakan bahawa kesemua lambang-lambang tersebut menjadi identiti, pemersatu, kedaulatan dan kehormatan negara. Kesemua lambang-lambang negara tersebut telah dimaktubkan dalam Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945. Kesemua lambang-lambang negara merupakan terjemahan manifestasi kebudayaan yang berakar umbi pada sejarah perjuangan bangsa, kesatuan dan keragaman budaya (Undang-undang, Bendera, Bahasa Dan Lambang Negara Serta Lagu Kebangsaan, 2009).

## **5. SEJARAH DAN MAKSUD LAMBANG-LAMBANG KENEGARAAN SEBAGAI IDENTITI MALAYSIA**

Lima elemen yang menjadi lambang-lambang kenegaraan Malaysia ialah Jata Negara, lagu Negaraku, Bendera Kebangsaan, Bunga Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan.

### **a) Jata Negara**

Lambang Malaysia atau lebih dikenali sebagai Jata Negara (Tulisan Jawi: جات نگارا) mempunyai maksud, ciri, dan nilai sesebuah negara. Negara yang menggunakan jata negara telah menggabungkan ciri yang ada oleh sesebuah negara itu. Elemen dan sentimen seperti Bunga Raya yang diterapkan dalam jata negara Malaysia menunjukkan bunga ini adalah bunga kebangsaan yang digunakan dalam upacara rasmi dan simbol sesebuah negara.

Jata Negara Malaysia merupakan lambang rasmi kerajaan Malaysia yang telah diperkenankan dan diwartakan oleh Raja-Raja Melayu pada 30 Mei 1952. Reka bentuk Jata Negara telah diusahakan oleh Jabatan Ukur dengan menggunakan enam warna. Jata Negara menunjukkan bintang pecah 14 menandakan 13 buah negeri dan kerajaan Persekutuan yang terkandung dalam Persekutuan Malaysia, dan Kerajaan Persekutuan ([http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/malaysia\\_2017/files/basic-html/page54.html](http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/malaysia_2017/files/basic-html/page54.html)).

Bintang bersama-sama anak bulan pula sebagai lambang Agama Islam yang diangkat sebagai agama rasmi Malaysia. Lima bilah keris pula sebagai lambang Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Bahagian sebelah kiri perisai yang berimej pokok pinang menandakan negeri Pulau Pinang dan bahagian sebelah

kanan yang berimej dengan pokok Melaka mewakili negeri Melaka. Kedua-dua buah negeri tersebut adalah sebahagian daripada Negeri-negeri Selat suatu ketika dahulu.

Dalam empat jalur yang sama besarnya di bahagian tengah yang berwarna merah, hitam, putih dan kuning. Warna-warna hitam dan putih mewakili warna Pahang; merah dan kuning mewakili warna Selangor; hitam, putih dan kuning mewakili warna Perak; dan merah, hitam dan kuning mewakili warna Negeri Sembilan. Empat buah negeri ini adalah Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang asal. Dua ekor harimau juga merupakan simbol keberanian, kegagahan dan kekuatan. Tiga bahagian di sebelah bawah itu menandakan negeri Sabah di sebelah kiri dan Sarawak di sebelah kanan. Di tengah-tengahnya ialah bunga raya yang merupakan Bunga Kebangsaan Malaysia. Cogan “Bersekutu Bertambah Mutu” ditulis dengan tulisan rumi di sebelah kiri dan tulisan jawi di sebelah kanan. Warna kuning pada awan-awan adalah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Malaysia (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

#### **b) Lagu Negaraku**

Lambang kenegaraan kedua yang berfungsi sebagai pemersatu ialah Lagu Negaraku. Lirik Lagu Negaraku adalah seperti di bawah:

Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku,  
Rakyat hidup  
bersatu dan maju,  
Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan,  
Raja kita  
selamat bertakhta,  
Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan,  
Raja kita  
selamat bertakhta.

Penulis asal: Saiful Bahri

Dicipta pada 25 Ogos 1957

(Sumber: Malaysia, 2017).

Lagu Negaraku berperanan penting dalam menyeru rakyat daripada berbagai bangsa, agama dan sosiobudaya hidup bersatu padu serta mengejar pelbagai kemajuan. Di samping itu, lagu ini juga memohon rahmat dan kebahagiaan dari Allah SWT untuk kesejahteraan raja, rakyat dan negara tercinta iaitu Malaysia. Intipati utamanya juga menunjukkan bahawa semua rakyat tanpa mengira agama dan bangsa tetap mempunyai satu lagu yang akan dikumandangkan.

Lagu Negaraku asalnya berentak *moderato* sama seperti kebanyakan negara-negara beraja lain di dunia. Walau bagaimanapun, sesuai dengan perkembangan sosioekonomi negara, pada 30 Ogos 1993 iaitu sempena menyambut Perayaan Hari Kebangsaan tahun 1993, kerajaan telah mengubah rentaknya kepada rentak *march* iaitu lebih cepat dan penuh bersemangat. Rakyat Malaysia yang cinta akan negara dan raja perlu mengetahui lebih mendalam lagi mengenai maksud yang tersurat dan tersirat lagu Negaraku supaya mereka lebih bersemangat patriotik dan cintakan negara.

Pada tahun 1956 semua negeri di Tanah Melayu mempunyai lagu kebesarannya sendiri. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat sebuah lagu kebangsaan yang merangkumi seluruh negara. Pada ketika itu Malaya berada di ambang kemerdekaan maka wajarlah ia mempunyai sebuah lagu kebangsaannya sendiri. Oleh yang demikian, satu ketetapan telah diambil untuk mendapatkan sebuah lagu kebangsaan bercorak patriotik yang merangkumi seluruh negara. Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Abdul Rahman yang menjadi Ketua Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri pada ketika itu telah membuat ketetapan agar sebuah lagu kebangsaan dicipta sebelum merdeka. Ekoran dari ketetapan ini satu jawatankuasa telah dibentuk bertujuan untuk mendapatkan sebuah lagu kebangsaan yang sesuai bagi Malaya yang bakal merdeka.

YTM. Tunku Abdul Rahman mencadangkan agar diadakan satu pertandingan mencipta lagu kebangsaan. Cadangan YTM. Tunku ini dipersetujui dan dilaksanakan. Pertandingan ini bukan sahaja terhad kepada penduduk Malaya tetapi telah dibuka ke seluruh dunia. Berikutan itu sebanyak 514 buah lagu telah diterima dari seluruh dunia dan sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk membuat pemilihan dengan teliti dan sempurna.

Jawatankuasa pemilihan ini terdiri daripada:

- Pengerusi : 1) YTM. Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.  
Ahli-ahli : 2) Tuan Haji Mustafa Albakri - Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu mewakili Raja-raja Melayu  
: 3) Dato' Abdul Razak Hussein - Menteri Pelajaran.

- : 4) Encik Ya'akob Latiff – Pengarah Penerangan.
- : 5) Encik D.S.P. Croft – Pengarah Muzik, Band Polis Persekutuan.
- : 6) Kapt. Lenthall – Pengarah Muzik, Askar Melayu.
- : 7) Encik A.T. Read – Pengarah Penyiaran Radio

Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya dengan efisien. Mereka meneliti setiap judul lagu yang diterima. Namun demikian jawatankuasa ini berpendapat bahawa tidak ada sebuah lagu dari 514 lagu yang dikemukakan boleh dianggap sesuai untuk dijadikan sebagai lagu kebangsaan. Jawatankuasa ini kemudian berpendapat salah satu cara lagi untuk memperolehi lagu kebangsaan yang baik ialah dengan menjemput beberapa penggubah lagu yang ternama untuk menciptanya. Oleh yang demikian, jawatankuasa ini membuat keputusan mempelawa beberapa orang penggubah lagu terkenal bertaraf antarabangsa untuk mencipta khususnya kebangsaan ini. Mereka yang dijemput khas untuk menggubah lagu kebangsaan ini adalah terdiri daripada:

- i) Benjamin Britten,
- ii) Sir William Walton,
- iii) Carlo Menetti, dan
- iv) Zubir Said.

Kesemuanya telah menggubah dan mencipta beberapa buah lagu kebangsaan untuk diteliti oleh sebuah Panel Hakim yang dibentuk khas untuk membuat pertimbangan. Panel Hakim berpendapat bahawa lagu ciptaan mereka adalah bermutu tinggi namun masih tiada ada sebuah lagu yang boleh dianggap sesuai untuk dijadikan sebagai lagu kebangsaan (Malaysia, 2017).

Oleh kerana masih belum mendapat lagu yang sesuai maka jawatankuasa telah membuat keputusan untuk mendengarkan semula kesemua lagu negeri yang sedia ada. Tujuannya ialah untuk mengenalpasti sama ada di antara lagu-lagu kebesaran negeri ini ada yang sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan negara. Setelah mendengar kesemua lagu negeri maka jawatankuasa ini telah membuat keputusan bahawa Lagu Kebesaran Negeri Perak adalah sangat sesuai untuk dijadikan sebagai lagu kebangsaan negara. Oleh yang demikian, lagu tersebut telah dipilih dan dimuktamadkan sebagai Lagu Kebangsaan Malaya yang merdeka dan akhirnya Lagu Kebangsaan Malaysia. Senikata lagu kebangsaan ini telah ditulis bersama oleh Panel Hakim dan YTM. Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan yang

penting. Upacara pemilihan lagu kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka diadakan pada 5 Ogos 1957 bertempat di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur (Arkib Negara Malaysia).

### **c) Bendera Kebangsaan**

Lazim mengetahui bahawa bendera adalah lambang kebanggaan dan kemegahan bagi identiti sebuah institusi, kerajaan atau negara. Pengibaran bendera walaupun nampak mudah, namun bukanlah suatu perkara yang boleh diambil enteng. Dengan mengibarkan bendera di suatu kawasan, ia melambangkan bahawa kawasan itu adalah milik sebuah organisasi atau kerajaan.

Penggunaan bendera sebagai lambang identiti bukanlah satu perkara baharu malah telah digunakan beratus tahun lamanya. Bendera telah mula dipakai sebagai lambang sesebuah kerajaan bermula sejak tahun 1000 sebelum Masihi lagi. Bendera Malaysia, atau lebih sinonim dengan nama Jalur Gemilang, adalah hasil rekaan seorang arkitek kerajaan Johor, iaitu Mohamed Hamzah (Muhammad Faris Zaidi, 4 September 2017).

Salah satu lambang negara yang unik dan penting ialah bendera. Bendera sering kali dikaitkan sebagai lambang kepimpinan, penghormatan, maruah dan elemen kedaulatan bagi sesebuah negara. Perasaan bangga terhadap tanah air dizahirkan melalui penggunaan bendera. Bendera juga ditakrifkan sebagai sebidang kain yang diperagakan bagi menunjukkan tanda dan lambang kewujudan yang juga dikenali sebagai panji dan obor. Sejarah Bendera Malaysia bermula apabila Majlis Raja-Raja Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan satu jawatankuasa pada tahun 1949 untuk menimbang dan membuat perakuan berkaitan dengan Bendera Persekutuan Tanah Melayu (Jabatan Penerangan Malaysia, Ogos 2010).

Justeru itu, satu pertandingan merekacipta bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1949. Seramai 373 orang telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini dan sebanyak tiga rekabentuk bendera telah dipilih ke peringkat akhir:

i) Reka bentuk pertama ialah lambang keris bersilang di tengah-tengah dengan dikelilingi oleh 11 bintang pecah lima.

ii) Reka bentuk kedua hampir serupa dengan reka bentuk pertama kecuali 11 bintang pecah lima itu disusun dalam dua bulatan mengelilingi Keris Bersilang tersebut.

iii) Reka bentuk ketiga ialah 11 jalur biru putih dengan Bulan Bintang berwarna kuning pada bahagian tepi kiri.

Majlis Perundangan Persekutuan telah menjemput orang ramai untuk memberi pendapat masing-masing mengenai reka bentuk yang disukai oleh mereka sebelum memilih reka bentuk bendera yang menjadi juara. Pendapat umum ini telah disiarkan oleh akhbar *The Malay Mail*. Pada 28 November 1949, keputusan telah dibuat berdasarkan suara majoriti. Orang ramai telah memilih reka bentuk ketiga yang dicipta oleh seorang arkitek kerajaan dari negeri Johor iaitu Encik Mohamad bin Hamzah. Reka bentuk tersebut telah diubah dengan menukar warna putih pada bulan dan bintang kepada warna kuning sebagai melambangkan warna diraja bagi raja-raja Melayu dan menambah bucu bintang kepada 11 untuk mengambil kira jumlah negeri yang ada dalam Persekutuan Tanah Melayu. Reka bentuk bendera tersebut telah mendapat kelulusan King George VI pada 19 Mei 1950.

Bendera Persekutuan Tanah Melayu pertama kali dikibarkan ialah dalam majlis menaikkan bendera tersebut yang dianjurkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British pada 26 Mei 1950 di perkarangan Istana Sultan Selangor. Majlis tersebut dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja-raja Melayu dan Pegawai-Pegawai King George VI. Percantuman Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu telah melahirkan sebuah negara baharu iaitu Malaysia. Oleh yang demikian, bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diubahsuai dengan mengambilkira penambahan negeri-negeri tersebut.

Duli-duli yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan Tuan-Tuan Yang Terutama Gabenor-Gabenor dalam satu Persidangan Majlis Raja-Raja menjelang pembentukan Malaysia telah memperkenankan bahawa reka bentuk Bendera Malaysia hendaklah mengikut reka bentuk Bendera Persekutuan Tanah Melayu dengan pengubahsuaian pada bilangan jalur-jalur dan bintang pecah 14 bagi menunjukkan 14 buah negeri baharu dalam Persekutuan Malaysia. Walaupun Singapura berpisah dari Malaysia pada 9 Ogos 1965, namun jalur-jalur dan bintang pecah 14 terus dikekalkan hingga sekarang. Kini jalur-jalur dan bintang berpenjuru 14 melambangkan keanggotaan yang sama dalam Persekutuan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada 3 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Pada malam 31 Ogos 1997 bersempena Hari Kemerdekaan negara yang ke-40, Perdana Menteri, Tun Mahathir bin Mohamad telah mengisytiharkan nama bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Sebelum itu, pada tahun 1995, Datuk Hashim Mat Dris mencadangkan bendera Malaysia diberikan nama rasmi seperti bendera kebangsaan Indonesia digelar *Sang Saka Merah Putih*, United Kingdom digelar *Union Jack*, Amerika Syarikat dikenali *Star Spangled Banner* dan bendera Perancis digelar

*Tricolor*. Beliau memberi cadangan agar bendera Malaysia dinamakan “Si Tuah.” Ini bersempena nama Hang Tuah, pahlawan Melayu yang berani, gagah perkasa dan setia kepada raja. Cadangan itu kemudiannya diusulkan kepada Perdana Menteri ketika itu Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam mesyuarat pada 2 Jun 1997 yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Halim Ali, Ketua Setiausaha Negara ketika itu sebanyak 28 cadangan nama dipertimbangkan. Setelah membuat penelitian, mesyuarat bersetuju memilih tiga nama mengikut keutamaan seperti ‘Jalur Gemilang’, ‘Jalur Nusa Gemilang’, dan ‘Jalur Sinar Gemilang.’ Apabila ketiga-tiga cadangan nama tersebut dibentangkan pada 9 Julai 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya bendera Malaysia diberi nama ‘Jalur Gemilang.’ Nama Jalur Gemilang diilhamkan oleh Tuan Haji Md Rebuan @ Md. Redzuan bin Tumin iaitu Pegawai dari Jabatan Muzium Antikuiti (Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia & Arkib Negara Malaysia, 2008).

#### **d) Bunga Kebangsaan**

Pada tahun 1960, Perdana Menteri, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan Bunga Raya atau nama saintifiknya *Hibiscus Rosa-Sinesis* sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Pemilihan bunga tersebut diisytiharkan ketika merasmikan pameran *Malayan Agro-Horticultural Association* (MAHA) di Kelab Turf, Selangor. Sejarah pemilihan bunga kebangsaan bermula pada akhir tahun 1958, apabila Kementerian Pertanian mencadangkan tujuh jenis bunga. Antaranya ialah Bunga Kenanga, Bunga Raya, Bunga Melur, Bunga Teratai, Bunga Mawar, Bunga Cempaka dan Bunga Tanjung. Berdasar kepada pertimbangan dari pelbagai aspek, kabinet memutuskan untuk memilih bunga raya sebagai Bunga Kebangsaan. Hal yang demikian kerana Bunga Raya memiliki kelopak yang besar, lebar dan melentur. Tambahan pula nama Bunga Raya telah dikenali di Tanah Melayu sejak dahulu kala dengan satu nama sahaja (Jabatan Penerangan Malaysia, 2010: 9).

Pemilihan tersebut juga adalah berdasarkan kepada keunikan bunganya yang merah dan dapat melambangkan keteguhan politik serta ekonomi dan sifat keberanian menempuh cabaran. Selain itu, bentuk lima kelopak yang terdapat pada bunga raya memberi maksud lima prinsip Rukun Negara yang diperkenalkan pada tahun 1970. Bunga yang juga dikenali sebagai “*Queen Tropical Flowers*” ini adalah yang tergolong daripada keluarga *Malvaceae* serta mempunyai 300 spesis tumbuhan. Bunga Raya telah didaftarkan sebagai objek warisan

negara di bawah kategori Objek Warisan Ketara pada tahun 2007, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Manakala kepelbagaian bunga raya dari segi warna, bentuk dan ukuran menjadi lambang pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan yang hidup harmoni di negara tercinta ini. Warna merah pula bermaksud kepelbagaian bunga raya dari segi warna, bentuk dan ukuran menjadi lambang pelbagai bangsa. Pada tahun 1960, Perdana Menteri, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan Bunga Raya atau nama saintifiknya Hibiscus Rosa-Sinesis sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu ketika merasmikan pameran Malayan Agro-Horticultural Association (MAHA) di Kelab Turf, Selangor (Bunga Raya, 2010: 5).

Selain itu, Bunga Raya menjadi irama Ghazal Melayu oleh negeri Johor.

Bunga Raya bunga yang indah,  
Di mana ditanam hidupnya mudah,  
Kembang berseri dipandang indah,  
Sekali di pandang rasa tak sudah,  
Ia bunga jadi pilihan,  
Disebut orang tidak berkesudahan,  
Diberi gelaran oleh kerajaan,  
Bunga Raya Bunga Kebangsaan.

(Senikata lagu Ghazal Melayu Johor: Dipetik dari Koleksi Yayasan Warisan Johor, <http://www.ywj.gov.my/pusat-dokumentasi-johor/>)

#### e) Bahasa Kebangsaan

Sebelum Perang Dunia Kedua, dalam kebanyakan negeri Melayu terutamanya bekas Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor, bahasa Melayu digunakan dengan meluas untuk tujuan rasmi seperti dalam mesyuarat, surat menyurat, penulisan minit, dalam prosiding perundangan dan kehakiman. Contohnya dalam surat bertarikh 11 Mei 1914, Sultan Ibrahim, Sultan Negeri Johor, ketika menulis kepada Sir Arthur Young, Gabenor Singapura, telah menulis:

“Beta juga perlu meminta penerimaan Yang Dipertuan terhadap prinsip bahawa bahasa Melayu dan Inggeris harus diterima sebagai bahasa rasmi untuk digunakan di dalam mahkamah keadilan beta dan di dalam semua jabatan kerajaan beta. Berhubung dengan penulisan bahasa Melayu huruf

Jawi perlu diberikan pengiktirafan rasmi ini” (Tun Mohd Salleh Abas, 2006: 49-50).

Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah diterima sebagai *lingua franca* atau bahasa komunikasi utama sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 lagi. Bahasa ini digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan dan hubungan diplomatik. Hal yang demikian juga dinyatakan dalam Sejarah Melayu. Antaranya ialah bagaimana usaha para pedagang bertungkus lumus mempelajari bahasa Melayu dan menguasainya bagi memudahkan mereka berurusan dengan pemimpin serta masyarakat setempat yang telah lama menggunakan bahasa itu.

Dalam konteks hubungan antarabangsa surat-surat rasmi dan dokumen perjanjian turut menggunakan Bahasa Melayu bertulisan Jawi. Ini membuktikan bahasa Melayu dapat difahami oleh pelbagai kaum termasuk pihak British. Sekiranya mereka tidak memahami pun terdapat munsyi atau guru bahasa Melayu yang akan mengajar mereka. Begitu juga dokumen-dokumen lain seperti Undang-undang Tubuh Negeri-negeri Melayu telah menggunakan Bahasa Melayu dengan tulisan Jawi sebagai medium perhubungan. Semua ini membuktikan kepada kita bahawa Bahasa Melayu pernah mencapai tahap yang tertinggi dan digunakan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Memandangkan bahasa Melayu telah digunakan sekian lama sebagai bahasa rasmi dan komunikasi serta persuratan maka telah dipersetujui dan disepakati bersama oleh pemimpin pelbagai kaum di negara ini agar ianya menjadi bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Malaysia yang merdeka pada tahun 1957. Malahan permuafakatan pelbagai kaum itu dirakamkan dalam bentuk dokumen tertinggi dan luhur iaitu Perlembagaan Negara sepertimana yang termaktub dalam Perkara 152, para 1 sebagai bahasa bagi persekutuan Tanah Melayu atau Malaysia yang merdeka (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2014: 260).

Oleh yang demikian, semenjak itu Bahasa Melayu berkembang luas penggunaannya termasuk menjadi bahasa perantaraan di sekolah-sekolah dan menjadi bahasa rasmi di semua agensi kerajaan termasuk di mahkamah. Jelas sekali Bahasa Melayu telah diiktiraf oleh semua kaum sebagai bahasa utama dan dapat digunakan bersama untuk mencapai matlamat perpaduan (Jeniri Amir, Ogos 2015). Semua rakyat Malaysia perlu terus memartabatkan dan memelihara bahasa Melayu yang diguna pakai sejak dahulu lagi. Raja-Raja Melayu sejak Mesyuarat Durbar pada 1903 membangkitkan soal pengiktirafan bahasa Melayu sebagai

bahasa rasmi. Ketika menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957, Raja-Raja Melayu menetapkan tujuh wasiat, satu daripadanya menyentuh berkaitan bahasa iaitu 'Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu' (Abdul Aziz Bari, 2006: 20). Memartabatkan bahasa Melayu wajar menjadi agenda penting oleh pembuat dan pelaksana dasar selari dengan keperluan Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan (Akta 32) 1963/67 (Muhammad Arif Mohd Hashim, 2017).

## 6. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Menurut Creswell (2009), pentafsiran data kajian ialah pengkaji menyampaikan pengetahuan kajian yang telah diperolehi, membandingkan hasil kajian dengan tinjauan keperpustakaan dan teori tertentu, mewujudkan persoalan dan mengemukakan cadangan untuk perubahan. Dapatan Kajian yang diperolehi daripada temu bual dan soal selidik perlu dianalisa untuk mendapat jawapan kepada objektif kajian. Dapatan kajian ini juga dipaparkan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta bar, dan carta pai bagi memudah dan melancarkan pemahaman pembaca mengikut instrumen yang digunakan sepanjang kajian dilaksanakan.

### a) Demografi Responden

Bahagian ini membincangkan maklumat yang berkaitan dengan keseluruhan demografi responden. Antara maklumat responden yang diperolehi adalah berkaitan dengan jantina, umur, dan etnik. Seramai 350 pelajar yang dipilih secara rawak untuk menjawab borang soal selidik ini.

#### i) Jantina

<b>Jantina</b>		
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	138	39.4
Perempuan	212	60.6

Total	350	100.0
-------	-----	-------

Jadual 1

Jadual 1 di atas menunjukkan demografi responden item jantina. Majoriti responden ialah perempuan berjumlah 212 orang bersamaan 60.6%. Bagi responden lelaki hanya 138 orang dengan kadar peratusnya 39.4%.

### ii) Umur

Umur		
	Kekerapan	Peratus
18-20	233	66.6
21-22	97	27.7
23-24	14	4.0
25-26	2	0.6
27 dan ke atas	4	1.1
Total	350	100.0

Jadual 2

Jadual 2 menunjukkan tahap umur responden yang dapat dibahagikan kepada 5 kelompok. Majoriti umur responden berada antara 18-20 tahun seramai 233 orang atau 66.6%. Ini diikuti 21-22 tahun sejumlah 97 orang responden bersamaan 27.7%. Seterusnya kelompok umur antara 23-24 tahun mencatatkan 14 orang responden dengan 4.0%. Kelompok umur 25-26 tahun hanya 2 orang responden atau 0.6%. Ini diikuti dengan kelompok umur 27 tahun dan ke atas seramai 4 orang responden iaitu 1.1%.

### iii) Etnik

Etnik		
	Kekerapan	Peratus
Melayu	290	82.9
Cina	45	12.9
India	14	4.0
Lain-lain	1	0.3
Total	350	100.0

Jadual 3

Jadual 3 menunjukkan kategori etnik responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden daripada etnik Melayu seramai 290 orang iaitu 82.9%. Seterusnya etnik Cina berjumlah 45 orang responden dengan 12.9%. Manakala etnik India seramai 14 orang responden atau 4.0%. Lain-lain etnik hanya 1 orang bersamaan dengan 0.3%.

### **b) Kepedulian Para Pelajar IPTA dan IPTS di Semenanjung Malaysia Terhadap Lambang-Lambang Kenegaraan Sebagai Identiti Malaysia**

Tahap kepedulian pelajar terhadap lambang-lambang kenegaraan sebagai identiti Malaysia dianalisa menggunakan kaedah statistik diskriptif. Skala likert yang digunakan ialah seperti di bawah:

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Seterusnya, nilai interpretasi min tahap kepedulian para pelajar berdasarkan kepada Jadual 4 di bawah.

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01- 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Jadual 4: Nunnally (1997)

Perbincangan hasil dapatan kajian berdasarkan kepada instrumen yang diedarkan kepada responden. Instrumen dibina untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu untuk melihat tahap kepedulian para pelajar IPTA dan IPTS di Semenanjung Malaysia terhadap lambang-lambang kenegaraan sebagai identiti kepada negara Malaysia.

Item	Sisihan		Interpretasi
	Min	Piawai	
Jata Negara Malaysia telah diwartakan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1952.	3.64	.750	Sederhana Tinggi
Reka bentuk Jata Negara telah diusahakan oleh Jabatan Ukur dengan menggunakan enam warna.	3.63	.805	Sederhana Tinggi
Jata Negara telah berubah sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1895, 1948, 1963 dan 1965.	3.64	.758	Sederhana Tinggi
Bintang 14 penjuru pada Jata Negara melambangkan 14 negeri bersekutu di Malaysia.	4.18	.828	Tinggi
Lagu Kebangsaan Malaysia dinamakan Negaraku.	4.60	.572	Tinggi
Lagu Negaraku dipilih daripada lagu rasmi negeri Perak iaitu 'Terang Bulan.'	3.91	.923	Sederhana Tinggi
Lagu Negaraku dicipta oleh Encik Saiful Bahri pada tahun 1957.	3.93	.864	Sederhana Tinggi
Lagu Negaraku berasal dari Pulau Mahe di Kepulauan Seychelles yang dibawa pulang oleh Raja Abdullah.	3.58	.835	Sederhana Tinggi
Bendera Malaysia dicipta oleh arkitek Johor iaitu Mohamed bin Hamzah.	4.01	.878	Tinggi
Nama Bendera Malaysia ditukar kepada Jalur Gemilang pada tahun 1997 sempena Hari Kemerdekaan ke-40.	3.95	.867	Sederhana Tinggi
Seramai 373 karyawan menyertai pertandingan merekabentuk bendera Persekutuan yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Persekutuan.	3.80	.835	Sederhana Tinggi
Pada tahun 1949, satu jawatankuasa ditubuhkan dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu untuk membuat perakuan berhubung reka bentuk bendera bagi Persekutuan Tanah Melayu yang baharu.	3.65	.783	Sederhana Tinggi

Pada tahun 1958, Kementerian Pertanian telah mengemukakan tujuh jenis bunga untuk dipilih sebagai Bunga Kebangsaan iaitu bunga raya, bunga kenanga, bunga melur, bunga cempaka, bunga teratai, bunga mawar dan bunga tanjung.	3.83	.819	Sederhana Tinggi
Bunga raya terpilih sebagai Bunga Kebangsaan kerana mudah didapati dan bukan menjadi Bunga Kebangsaan mana-mana negara lain di dunia.	3.98	.839	Sederhana Tinggi
Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan bunga raya sebagai Bunga Kebangsaan pada 28 Julai 1960.	3.97	.797	Sederhana Tinggi
Bunga Raya telah didaftarkan sebagai objek warisan negara di bawah kategori Objek Warisan Ketara pada tahun 2007, seperti yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005.	3.83	.774	Sederhana Tinggi
Ordinan Pelajaran 1957 menjelaskan Bahasa Melayu sebagai wadah untuk meningkatkan persefahaman perpaduan masyarakat majmuk.	3.99	.801	Sederhana Tinggi
Bahasa Melayu dikembanguaskan dengan kemunculan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).	4.03	.779	Tinggi
Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan amat besar ertinya dalam matlamat ke arah proses pembinaan negara bangsa.	4.19	.815	Tinggi
Bahasa Melayu mempunyai kaitan rapat dengan bahasa–bahasa etnik lain yang dituturkan di Nusantara.	4.08	.823	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>3.92</b>		<b>Sederhana Tinggi</b>

Jadual 5

*Sumber: Dapatan kajian lapangan*

Hasil kajian mendapati bahawa nilai interpretasi min yang tertinggi iaitu 4.60 dicatatkan pada pernyataan Lagu Kebangsaan Malaysia dinamakan Negaraku. Ini bermakna para pelajar mengetahui bahawa lagu Negaraku merupakan Lagu Kebangsaan Malaysia. Ini bertepatan dengan Undang-Undang Malaysia, di bawah Akta 808 iaitu Akta Lagu Kebangsaan 1968. Antara yang dinyatakan ialah versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan boleh dimainkan di sekolah bagi maksud mengajar murid-murid menyanyi Lagu Kebangsaan (Undang-Undang Malaysia, Akta 808:6).

Ini diikuti nilai interpretasi min kedua tertinggi iaitu 4.19 diperoleh pada pernyataan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan amat besar ertinya dalam matlamat ke arah proses pembinaan negara bangsa. Bahasa Melayu telah diletakkan ke taraf Bahasa Kebangsaan yang secara automatik menjadi bahasa perantaraan untuk digunakan dalam semua maksud rasmi. Malah dalam Laporan Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956, Laporan Jawatankuasa Penyemakan Pelajaran Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 jelas menempatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Apatah lagi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, kedudukan Perkara 152 yang memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia adalah bahasa Melayu yang tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan menjadi mengikat kedaulatan bahasa kebangsaan di kedudukan yang terluhur (Tun Mohd Salleh Abas, 2006: 51).

Seterusnya, ini diikuti dengan pernyataan bintang 14 penjuru pada Jata Negara melambangkan 14 negeri bersekutu di Malaysia. Dapatan kajian memperoleh nilai interpretasi min 4.18 iaitu pada tahap tinggi. Ini bermakna para pelajar mengetahui bahawa Malaysia mempunyai 13 buah negeri dan kerajaan Persekutuan (Raja Masittah Raja Ariffin, 2016: 4). Turut mencatatkan nilai interpretasi min tinggi iaitu 4.08 pada pernyataan bahasa Melayu mempunyai kaitan rapat dengan bahasa-bahasa etnik lain yang dituturkan di Nusantara. Malaysia dan Indonesia sepanjang lebih 50 tahun lalu telah banyak berpakat dan berjaya menyeragamkan hal-hal bahasa Melayu, misalnya dalam sistem ejaan, tatabahasa dan istilah, di samping memperkayakannya dengan pelbagai ilmu moden. Kedua-dua negara sebenarnya telah kukuh membentuk sistem pendidikan berasaskan bahasa Melayu moden (Isahak Harun, 29 Mac 2017).

Berikutnya, pernyataan bahasa Melayu dikembangluaskan dengan kemunculan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut mendapat nilai interpretasi tinggi iaitu 4.03. Antara langkah yang dilaksanakan oleh DBP ialah mengadakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada setiap tahun. Ini adalah satu

kesinambungan dari Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) sejak 1999. Sepuluh tahun selepas itu, lahirlah Bulan Bahasa Kebangsaan. Matlamatnya sebagaimana yang diperihalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) iaitu untuk memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia (Sivamurugan Pandian, 15 Oktober 2015). Selain itu, dapatan kajian yang memperoleh nilai interpretasi min tahap tinggi iaitu 4.01 pada pernyataan bendera Malaysia dicipta oleh arkitek Johor iaitu Mohamed bin Hamzah.

Seterusnya, hasil dapatan kajian dengan nilai interpretasi sederhana tinggi iaitu 3.99 pada pernyataan Ordinan Pelajaran 1957 menjelaskan Bahasa Melayu sebagai wadah untuk meningkatkan persefahaman perpaduan masyarakat majmuk. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan kerana pendidikan adalah permulaan kepada kejayaan. Manakala asas pembinaan bangsa dan negara bermula dalam kalangan generasi muda. Sistem pendidikan yang sempurna adalah sistem yang berupaya menetapkan suatu Bahasa pengantar ilmu untuk semua dalam erti menyebarkan peluang dan hak kepada pendidikan itu sendiri dalam konteks pendemokrasian pendidikan. Bagi mana-mana Negara pun, Bahasa itu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasminya, meskipun dalam keterbukaan baharu, mana-mana bahasa boleh dipelajari dan dikuasai. Dalam konteks Malaysia, sewajarnya peranan itu diberikan kepada bahasa Melayu, sama seperti pengalaman di negara-negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea yang maju melalui bahasa mereka sendiri (Abdul Rahman Haji Ismail & Azmi Ariffin, 2017: 238).

Ini diikuti dengan pernyataan bunga raya terpilih sebagai Bunga Kebangsaan kerana mudah didapati dan bukan menjadi Bunga Kebangsaan mana-mana negara lain di dunia. Item ini mencatatkan nilai interpretasi 3.98 iaitu sederhana tinggi. Juga pernyataan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan bunga raya sebagai Bunga Kebangsaan pada 28 Julai 1960. Nilai interpretasi min bagi pernyataan ini 3.97 iaitu sederhana tinggi. Turut mencatatkan nilai interpretasi min iaitu 3.95 pada tahap sederhana tinggi bagi pernyataan nama bendera Malaysia ditukar kepada Jalur Gemilang pada tahun 1997 sempena Hari Kemerdekaan ke-40.

Nilai interpretasi min tahap sederhana tinggi iaitu 3.93 pada item lagu Negaraku dicipta oleh Encik Saiful Bahri pada tahun 1957. Manakala pernyataan lagu Negaraku dipilih daripada lagu rasmi negeri Perak iaitu 'Terang Bulan' memperoleh nilai interpretasi min tahap sederhana tinggi iaitu 3.91. Lagu Terang Bulan berkumandang di bumi England pada tahun 1901 buat pertama kali dan sekaligus menjadi Lagu Kebesaran Negeri Perak. Pada saat itu lagu Terang Bulan menjadi Lagu Kebangsaan Negeri Perak sehingga dijadikan Lagu

Kebangsaan Negara dan seterusnya Lagu Kebangsaan Malaysia. Lagu negeri Perak pula mendapat ilham asal daripada lagu “Terang Bulan” yang merupakan lagu yang amat disukai oleh Sultan Abdullah, Sultan Perak, ketika baginda dalam buangan di Pulau Seychelles. Idea untuk mencipta Lagu Kebangsaan timbul ketika negara sedang bersiap menyambut hari kemerdekaan. Lagu Kebangsaan perlu diperdengarkan dalam upacara pengisytiharan kemerdekaan yang ditetapkan pada 31 Ogos 1957 (Malaysia 2017, Jabatan Penerangan Malaysia).

Seterusnya, terdapat dua pernyataan yang memperoleh nilai interpretasi min yang sama iaitu 3.83 pada tahap sederhana tinggi. Pernyataan pertama ialah pada tahun 1958, Kementerian Pertanian telah mengemukakan tujuh jenis bunga untuk dipilih sebagai Bunga Kebangsaan iaitu bunga raya, bunga kenanga, bunga melur, bunga cempaka, bunga teratai, bunga mawar dan bunga tanjung. Pernyataan kedua ialah Bunga Raya telah didaftarkan sebagai objek warisan negara di bawah kategori Objek Warisan Ketara pada tahun 2007, seperti yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Selain itu, terdapat nilai interpretasi min sebanyak 3.80 iaitu tahap sederhana tinggi dicatatkan pada pernyataan seramai 373 karyawan menyertai pertandingan mereka bentuk bendera Persekutuan yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Persekutuan. Terdapat pernyataan dengan memperoleh nilai interpretasi min 3.65 iaitu tahap sederhana tinggi. Pernyataan ini ialah pada tahun 1949, satu jawatankuasa ditubuhkan dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu untuk membuat perakuan berhubung reka bentuk bendera bagi Persekutuan Tanah Melayu yang baharu. Seterusnya, terdapat dua pernyataan yang memperoleh nilai interpretasi min yang sama iaitu 3.64 berada tahap sederhana tinggi. Kedua-duanya pernyataan berkaitan dengan Jata Negara. Pertama, Jata Negara Malaysia telah diwartakan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1952. Kedua, Jata Negara telah berubah sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1895, 1948, 1963 dan 1965. Ini diikuti dengan pernyataan reka bentuk Jata Negara telah diusahakan oleh Jabatan Ukur dengan menggunakan enam warna. Item ini memperoleh nilai interpretasi min iaitu 3.63 iaitu pada tahap sederhana tinggi.

Nilaian interpretasi min tahap sederhana tinggi iaitu 3.58 diperoleh pada pernyataan lagu Negaraku berasal dari Pulau Mahe di Kepulauan Seychelles yang dibawa pulang oleh Raja Abdullah. Sebenarnya, tune lagu Terang Bulan ini sama seperti lagu Mamula Moon berasal dari Pulau Mahe di Seychelles. Tempat tinggal Sultan Perak satu masa dulu. Lagu tersebut sangat popular di pulau tersebut dan selalu dimainkan oleh Pancaragam Perancis

yang biasanya memainkan pelbagai lagu dan membuat pertunjukkan konsert untuk orang ramai di pulau berkenaan. Adalah dipercayai melodi ini telah digubah oleh seorang ahli Muzik bangsa Perancis bernama Pierre Jean de Beranger yang lahir di Perancis pada tahun 1780 dan meninggal dunia pada tahun 1857 ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Lagu\\_Negaraku](https://ms.wikipedia.org/wiki/Lagu_Negaraku)).

Secara keseluruhan nilai interpretasi min ialah 3.92 berada pada tahap sederhana tinggi.

## 7. KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahap kepedulian para pelajar IPT terhadap lambang-lambang kenegaraan sebagai identiti Malaysia berada pada tahap sederhana tinggi. Lambang-lambang kenegaraan seperti Jata Negara, lagu Negaraku, Bendera Kebangsaan, Bunga Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan merupakan identiti negara Malaysia di mata dunia. Kecaknaan dan kesungguhan dalam menghayati, memahami dan sikap kepedulian terhadap maksud serta sejarah pengiktirafan lambang-lambang kenegaraan ini sebagai identiti negara Malaysia wajar ada dalam setiap diri warga Malaysia. Hal ini berkepentingan agar beberapa peristiwa yang menghina lambang-lambang negara seperti insiden penghinaan lagu Negaraku pernah dilakukan oleh Namawee pada tahun 2007 dengan menggubah Lagu Kebangsaan Negara Malaysia kepada Negarakuku tidak berulang. Ternyata perbuatan ini adalah pelanggaran terhadap Seksyen 8(2) Akta Lagu Kebangsaan 1968.

Hasil dapatan kajian ini menggambarkan bahawa keperluan usaha secara berterusan oleh semua pihak agar tahap kesedaran para pelajar terhadap identiti negara Malaysia berada pada tahap tinggi. Hal ini kerana para pelajar yang berada di institusi pengajian tinggi ini merupakan pewaris peneraju pembangunan negara. Langkah-langkah yang telah tersedia diwujudkan sejak dahulu lagi perlu dipertingkatkan kepada para pelajar oleh guru dengan lebih kreatif sejak di bangku sekolah rendah. Ini bersesuaian dengan pepatah, 'melentur buluh biarlah dari rebungunya.' Contohnya jika diamati, kebanyakan organisasi besar dan sektor swasta telah menggunakan simbol lambang-lambang kenegaraan ini dalam logo produk keluaran mereka seperti Proton, Maybank, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Filem Negara Malaysia. Pengaplikasian lambang-lambang ini harus disedari dan diambilpeduli oleh generasi kini demi pengekal maruah dan kedaulatan negara Malaysia dalam menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian 4.0. Semoga kajian ini dapat membuka peluang kepada penelitian yang lebih serius dan berterusan terhadap pemerkasaan lambang-lambang kenegaraan sebagai identiti negara Malaysia.

**RUJUKAN**

- Abdul Rahman Haji Ismail & Azmi Arifin (editor). (2017). *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Akila Sivakumar. (2018). *National and State Symbols*. Delhi: The Energy and Resource Institute.
- Arkib Negara Malaysia. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/pemilihan-lagu-kebangsaan-persekutuan-tanah-melayu>.
- Bunga Raya. 2010. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- [http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/malaysia\\_2017/files/basic-html/page54.html](http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/malaysia_2017/files/basic-html/page54.html). Dimuat naik 20 Ogos 2019.
- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Lagu\\_Negaraku](https://ms.wikipedia.org/wiki/Lagu_Negaraku). Dimuat naik 20 Ogos 2019.
- Isahak Harun. 29 Mac 2017. "Jadi Bahasa Lingua Franca Pedagang." <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/jadi-bahasa-lingua-franca-pedagang-1.463271>. Dimuat naik 20 Ogos 2019.
- Jalur Gemilang*. Ogos 2008. Kuala Lumpur: Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Jalur Gemilang*. Ogos 2010. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2017. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/137?language=my>. Dimuat naik 4 September 2018.
- Jeniri Amir. Ogos 2015. "Patriotisme Bahasa Lambang Kecintaan Negara." *Pelita Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koen Setyawan. (2017). *Fakta Unik Lambang Negara di Dunia*. Jakarta: PT Gramedia.
- Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia & Arkib Negara Malaysia. (2008). *Jalur Gemilang*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin. 2014. *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Marzudi Md Yunus, Nuryuhanis Mohd Nasir, Nurul Haniza Samsudin. (2019). Logo Hari Kebangsaan 2018: Analisis Teori Seni dan Aplikasi Komunikasi Visual. *Jurnal*

- Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Jilid 35(2) 2019: 176-194.*  
Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malaysia. (2017). Jabatan Penerangan Malaysia. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30107?language=my>. Dimuatnaik pada 25 Ogos 2019.
- Malaysiakini. Dikemaskini 29 Ogos 2010. Tahukah anda tentang simbol negara kita? <https://www.malaysiakini.com/news/141398>. Dimuat naik 20 Julai 2019.
- Muhammad Arif Mohd Hashim. 13 Julai 2017. Kuasai Bahasa Melayu Syarat Patriotisme. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/07/301631/kuasai-bahasa-melayu-syarat-patriotisme>. Dimuat naik 4 September 2018.
- Muhammad Faris Zaidi. 4 September 2017. Jalur Gemilang Lambang Kemegahan Negara. <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/jalur-gemilang-lambang-kemegahan-negara-1.522540>. Dimuat naik 21 Julai 2019.
- Mohd Zahari Yusoff, Muhammad Shukri Salleh dan Meer Zhar Farouk Amir Razli. (2006). Persepsi Patriotisme di Kalangan Mahasiswa Tinjauan dari Sudut Pemikiran Mahasiswa High Achievers UiTM Cawangan Kelantan. [eprints.utm.my/id/eprint/550/1/MohdZahariYusoff2006\\_Persepsipatriotismedikalanganmahasiswa.pdf](https://eprints.utm.my/id/eprint/550/1/MohdZahariYusoff2006_Persepsipatriotismedikalanganmahasiswa.pdf). Dimuat naik 24 Julai 2019.
- Nunnally, J. C. (1997). 'The Study of Change Evaluation Research: Principle Concerning Measurement in Experimental Design and Analysis.' Dlm. E. L. In. Struening, & M. Guttentag (Eds.). *Handbook of Evaluation Research*. Beverly Hills: Sage.
- Raja Masittah Raja Ariffin, Che Ibrahim Salleh, Norazlina Mohd. Karim & Hasnah Mohamad. (2016). *Etimologi Nama Negeri di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ruhanie Haji Ahmad. (2005). *Patriotisme Malaysia: Penangkis Neoimperislisme*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shamrahayu Ab Aziz. 26 Januari 2016. Identiti Nasional. Berita Harian. <http://www.ikim.gov.my/index.php/2016/01/26/identiti-nasional/>. Dimuat naik 21 Julai 2019.

- Sivamurugan Pandian. (15 Oktober 2015). "Mendaulatkan Bahasa Kebangsaan."  
<http://www.utusan.com.my/rencana/mendaulatkan-bahasa-kebangsaan-1.146617>.  
Dimuat naik 11 September 2018.
- Senikata lagu Ghazal Melayu Johor: Dipetik dari Koleksi Yayasan Warisan Johor,  
<http://www.ywj.gov.my/pusat-dokumentasi-johor/>. Dimuat naik 20 Julai 2019.
- Tun Mohd. Salleh Abas (dikemaskini oleh) Haji Salleh Buang. (2006). *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Undang-Undang Malaysia, Akta 808. (Disemak 2018). Disemak oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.  
[http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20181101\\_808\\_BM\\_Akta%20Lagu%20Kebangsaan%201968%20Akta%20808.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20181101_808_BM_Akta%20Lagu%20Kebangsaan%201968%20Akta%20808.pdf). Dimuat naik 20 Julai 2019.
- Utusan Melayu Online. 1 Oktober 2010. Tuanku Mizan lancar sambutan 50 tahun Bunga Kebangsaan. [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1001&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_08.htm#ixzz5QqSd115h](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1001&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm#ixzz5QqSd115h).  
Dimuat naik 11 September 2018.
- Zainal Abidin b. Abdul Wahid. 2008. Kerajaan Melaka dalam Hubungan Antarabangsa. Dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- ... (2009). *Undang-undang, Bendera, Bahasa Dan Lambang Negara Serta Lagu Kebangsaan*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Yustisia.